



Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia



Panduan Penanaman **Pokok Teduhan**



2008

PANDUAN
PENANAMAN POKOK TEDUHAN

PENDAHULUAN	
TUJUAN	5
LATAR BELAKANG	6
KEPERLUAN PENANAMAN POKOK TEDUHAN	7
LANGKAH 1 – PERANCANGAN	
Perancangan Landskap	9
LANGKAH 2 – REKA BENTUK	
Reka bentuk Penanaman Pokok Teduhan	13
LANGKAH 3 – PEMILIHAN TANAMAN DAN KEPERLUAN RIZAB LANDSKAP	
Pemilihan Tanaman Pokok Teduhan Saiz Besar dan Sederhana	26
Keperluan Rizab Landskap	29
LANGKAH 4 – SPESIFIKASI TANAMAN DAN TEKNIK PENANAMAN	
Spesifikasi Pokok Teduhan	33
Tanah Campuran	34
Saiz Lubang	34
Kaedah Penanaman	34
Kayu Pancang	35
Sungkupan	37
Kemasan Dan Rawatan Lubang Penanaman	37
LANGKAH 5 – PENYELENGGARAAN POKOK TEDUHAN	
Penyiraman	39
Pembajaan	39
Pemangkasan	40
PENUTUP	
KESIMPULAN	47
GLOSARI	
DAFTAR ISTILAH	



PENDAHULUAN

**LATAR BELAKANG
KEPERLUAN PENANAMAN POKOK TEDUHAN**

TUJUAN

Buku panduan ini disediakan bertujuan untuk :

1. Menghasilkan pembangunan landskap dikawasan tepu bina yang seimbang, seragam, dan berkualiti.
2. Sebagai panduan kepada semua agensi pelaksana termasuk agensi Persekutuan, agensi Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, swasta (perunding, pemaju dan kontraktor) serta individu didalam usaha melaksanakan keputusan kerajaan untuk mengindahkan negara.
3. Mewujudkan kawasan hijau atau '*green canopy*' di kawasan perbandaran untuk keselesaan pengguna disamping menangani isu perubahan iklim dan alam sekitar.

Melalui panduan yang disertakan dengan ilustrasi dan gambarajah yang berkaitan, adalah diharapkan semua pihak mendapat gambaran yang jelas untuk melaksanakan penanaman pokok teduhan di seluruh negara.

Buku Panduan Penanaman Pokok Teduhan ini perlu digunapakai bersama dengan buku **Garis Panduan Landskap Negara, Edisi 2 (GPLN 2) tahun 2008**.



LATAR BELAKANG

Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 30 Mei 2007 telah membuat keputusan bahawa bagi menggalakkan orang ramai berjalan kaki sebagai gaya hidup sihat, pokok-pokok besar dan rendah hendaklah di tanam di sepanjang jalan terutamanya pokok hujan-hujan. Sehubungan dengan itu penanaman pokok teduhan perlu dilaksanakan di seluruh negara.

Penanaman pokok teduhan juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020



Penanaman pokok teduhan di tepi jalan dapat mengurangkan tahap kepanasan dan dapat menggalakkan orang ramai berjalan kaki sebagai gaya hidup sihat.



Penanaman pokok-pokok teduhan di tepi jalan akan dapat mewujudkan suasana redup dan persekitaran yang segar.



Panduan penanaman ini merangkumi lima (5) langkah iaitu perancangan landskap, reka bentuk penanaman, pemilihan tanaman dan keperluan rizab landskap, spesifikasi tanaman dan prosedur penanaman serta penyelenggaraan pokok teduhan.

KEPERLUAN PENANAMAN POKOK TEDUHAN

1. Menangani isu perubahan iklim/suhu di kawasan bandar.
2. Mewujudkan persekitaran hidup yang selesa dan segar serta memupuk budaya hidup sihat.
3. Membekalkan sumber oksigen kepada manusia serta menyerap karbon dioksida dan monoksida.
4. Mengurangkan imej hutan konkrit atau *'concrete jungle'* dan meningkatkan kualiti kawasan hijau atau *'green canopy'* di sekitar bandar.
5. Mengawal hakisan tanah serta menapis haba melalui pengurangan suhu biasan permukaan jalanraya.
6. Meningkatkan biodiversiti dan perlindungan habitat di kawasan bandar.
7. Menggalakkan orang ramai berjalan kaki, yang secara tidak langsung mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor di kawasan bandar.
8. Sumber rekreasi dan meningkatkan nilai keindahan bandar.



Ketiadaan pokok teduhan boleh meningkatkan kepanasan permukaan laluan / jalanraya dan mewujudkan persekitaran bandar yang tidak selesa.



Tanaman pokok teduhan yang efektif mampu menyejukan sekitar laluan dan boleh menggalakkan lebih ramai orang berjalan kaki di sekitar ruang bandar





LANGKAH 1 - PERANCANGAN


PERANCANGAN LANDSKAP

PERANCANGAN LANDSKAP

- Menjalankan kajian tapak serta inventori vegetasi di semua jaringan jalanraya, laluan orang ramai dan kawasan awam.
- Mengenalpasti utiliti-utiliti sedia ada seperti kabel bawah tanah, paip air dan talian-talian telefon supaya penanaman pokok-pokok teduhan tidak merosakan utiliti-utiliti berkenaan.
- Memastikan terdapat rizab landskap yang mencukupi untuk tujuan penanaman
- Menyediakan Pelan Landskap dan Penanaman Pokok Teduhan bagi semua kawasan yang terlibat. Pelan ini boleh dijadikan sebagai komponen kepada Pelan Induk Landskap yang disediakan bagi setiap bandar.



Rizab landskap yang mencukupi di perlukan supaya pokok-pokok teduhan dapat tumbuh dengan baik dan berfungsi seperti yang diinginkan.



Penyediaan pelan landskap dan Pelan Penanaman dapat membantu perancangan penanaman pokok teduhan pinggir jalan



Rizab landskap yang tidak mencukupi untuk tujuan penanaman pokok teduhan pinggir jalan

LANGKAH 1 – PERANCANGAN

- e. Ruang atau rizab landskap mesti disediakan diperingkat reka bentuk sebagai zon hijau atau jaluran “green canopy” yang dapat berfungsi secara menyeluruh.




Ketiadaan zon hijau untuk ruang penanaman pokok teduhan akan menyukarkan pertumbuhan pokok serta tidak dapat mewujudkan jaluran hijau yang menarik.



Reka bentuk Landskap perlu mengambilkira rizab landskap atau ruang penanaman yang mencukupi supaya pokok dapat tumbuh dengan baik dan tidak menghalang pergerakan pejalan kaki serta dapat berfungsi sebagai kawasan teduhan secara menyeluruh.

LANGKAH 1 – PERANCANGAN

- f. Panduan ini perlu diberi perhatian dan dirujuk bersama semasa penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Pelan Induk Landskap (PIL).



Rujukan semasa penyediaan RTD dan PIL perlu dibuat bagi memantapkan lagi penggunaan panduan ini.

- g. Aspek landskap terutama penanaman pokok teduhan perlu diambil kira dalam proses kelulusan Kebenaran Merancang dan kelulusan Pelan Bangunan bagi tujuan pengeluaran sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

